

31/01/1998

Majikan henti pekerja tanpa notis dibidas (HL)

Jamhariah Jaafar; R Magendran

KUALA LUMPUR, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kerajaan akan mengambil tindakan tegas kepada majikan yang membuang pekerja mereka sewenang-wenangnya tanpa memberi sebarang notis terlebih dahulu.

Sehubungan itu, Perdana Menteri meminta mana-mana pekerja yang terbabit dengan tindakan itu menghubungi Kementerian Sumber Manusia bagi membolehkan kerajaan membuat siasatan.

"Sepatutnya mereka (majikan) memberi notis ... tidak boleh retrench (memberhentikan pekerja) begitu saja. Kita akan mengambil tindakan jika mereka berbuat demikian.

"Kalau mereka mengambil kesempatan, kita kena laporkan kepada Kementerian Buruh (Sumber Manusia)," katanya pada majlis rumah terbuka Aidilfitri di Sri Perdana, di sini hari ini.

Beliau mengulas tindakan beberapa majikan yang memberhentikan pekerja masing-masing dengan alasan syarikat mereka mengalami masalah akibat kegawatan ekonomi sekarang.

Antara syarikat yang dilaporkan memberhentikan pekerja dalam tempoh dua minggu ini ialah Sabah Shipyard Sdn Bhd seramai 703 orang dan Industrial Concrete Products di Ipoh dan Prai (201 orang).

Turut mengurangkan tenaga kerja ialah Seagate Technology Incorporated, sebuah syarikat pengeluar pemacu cakera terbesar dunia yang mengumumkan penamatan operasinya di Malaysia menyebabkan 750 kakitangannya kehilangan pekerjaan.

Ditanya sama ada masalah pembuangan kerja di negara ini kini mencapai tahap serius, Perdana Menteri berkata, jumlah mereka yang diberhentikan kerja berikutan kegawatan ekonomi negara tidak banyak.

"Kes membuang pekerja di Malaysia tidak begitu serius. Negara-negara lain sudah berjuta diberhentikan kerja.

"(Di negara) Kita tentu ada pemberhentian kerja, (tetapi ia hanya membabitkan) satu kumpulan kecil kalau dibandingkan negara lain. Kita harus bersabar kerana ada peluang kerja lain," katanya.

Sementara itu, Menteri Sumber Manusia, Datuk Lim Ah Lek, yang ditemui pada majlis yang sama berkata, mulai Isnin ini setiap majikan yang memberhentikan pekerja atas apa jua sebab, dikehendaki melaporkan kepada Ketua Pengarah Buruh sekurang-kurangnya satu bulan sebelum tindakan itu dilakukan.

Beliau berkata, mereka yang melanggar peraturan di bawah Akta Pekerjaan 1955 boleh didakwa dan dikenakan denda maksimum RM2,000 bagi setiap kesalahan.

(END)